



Pendidikan Kesihatan Tahun 6
Unit 9 : Komuniti sihat dan selamat
Tajuk: Akal Sempit Jika Merempit



Arahan : Nyatakan BETUL atau SALAH pada kenyataan yang berikut.

1. Penglibatan remaja dalam kegiatan lumba haram
membimbangkan banyak pihak.
2. Kegiatan lumba haram dapat menyelesaikan masalah
yang dihadapi oleh remaja.
3. Kegiatan merempit menyebabkan keruntuhan moral dan
akhlak dalam kalangan remaja.
4. Aktiviti merempit dalam kalangan remaja merupakan
aktiviti yang sangat berfaedah untuk mengisi masa
lapang.
5. Sekatan jalan raya oleh pihak berkuasa di kawasan
berisiko berlakunya perlumbaan haram dapat mengekang
aktiviti ini.
6. Remaja perlu menghargai dan menyayangi diri sendiri, ibu
bapa dan keluarga.
7. Tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas remaja
yang didapati bersalah terbabit dalam kegiatan
merempit.
8. Aktiviti merempit akan mendorong remaja terbabit
dalam masalah penyalahgunaan dadah dan hubungan sosial
yang tidak terbatas.
9. Aktiviti merempit dapat menghilangkan tekanan perasaan
kepada remaja.
10. Peningkatan dalam kes kemalangan jalan raya boleh
berlaku jika aktiviti merempit terus dilakukan.